

Gesekan biola Dr Siti Hasmah pukau tetamu Galeria Perdana

BH - 20/11/2020 mlb: 6

Langkawi: Gesekan biola oleh Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali memukau tetamu di Galeria Perdana, Kampung Kilim, di sini, semalam.

Persembahan sempena program Bonda Unplugged itu turut disaksikan 114 pelajar dari tujuh sekolah rendah dan menengah di sekitar pulau ini.

Isteri Perdana Menteri membuat penampilan istimewa dengan mempersembahkan empat lagu, iaitu *Hati Ke Hati*, *Epilog Cinta*, *Gubahanku* dan *Getaran Jiwa*.

Persembahan beliau itu diiringi *Eagle Cop's Band* yang dibarisi anggota polis dari Ibu Pejabat Polis (IPD) Daerah Langkawi.

Penonton bukan saja memberikan tepukan gemuruh sebagai tanda penghormatan, malah teruja apabila Dr Siti Hasmah mempelawa Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendan Mohd Iqbal Ibrahim, dan guru, Sufina Halim, untuk



Dr Siti Hasmah mempersembahkan gesekan biola pada Program Bonda Unplugged Live yang diiringi Eagle Cop's Band di Galeria Perdana, Langkawi, semalam. (Foto BERNAMA)

membuat persembahan nyanyian bersama-sama.

Dr Siti Hasmah sekali lagi mencuri perhatian apabila menggesek biola mengiringi nyanyian pelajar yang me-

nyampaikan lagu rakyat kanak-kanak *Rasa Sayang*, *Chan Mali Chan*, *Lompat Si Katak Lompat* dan *Geylang Si Paku Geylang*.

Yang turut hadir; Ketua Pen-

garah Jabatan Muzium Malaysia, Datuk Kamarul Baharin A Kasim; Pengarah Pendidikan Kedah, Abd Aziz Selaiman dan Pegawai Tadbir Galeria Perdana, Mohamad Najib Adnan.